

09/12/2000

Mengukuhkan prestasi pemimpin akar umbi

KEKALAHAN Barisan Nasional (BN) di Lunas baru-baru ini sebenarnya bukan satu kekalahan besar kerana majoriti pembangkang hanya berjumlah 530 undi. Tetapi kesannya besar kepada BN kerana BN kehilangan majoriti dua pertiga dalam Dewan Undangan Negeri (DUN).

Majlis Tertinggi (MT) akan menjalankan bedah siasat untuk mengetahui sebab-sebab BN kalah di Lunas.

Saya kira satu aspek penting yang patut diselidiki dan dikaji ialah jentera yang dapat dikerah oleh BN Kedah untuk Lunas.

Menurut cerita teman-teman, ada cawangan BN yang langsung tidak bergerak hinggakan pemimpin BN terpaksa mengerah tenaga dari luar untuk mengendalikan jentera pilihan raya di kawasan berkenaan.

Saya pernah berkata bahawa pemimpin BN banyak membicarakan isu pembangunan betapa kerajaan BN telah membawa perubahan dalam kehidupan penduduk Lunas.

Tetapi pihak pembangkang menonjolkan isu Sekolah Wawasan untuk pengundi Cina. Pemerhati berkata kemenangan pembangkang ialah sokongan daripada pengundi Cina yang tidak berpuas hati dengan konsep Sekolah Wawasan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, begitu marah dengan penentangan sesetengah kaum Cina terhadap Sekolah Wawasan hingga mereka disifatkan sebagai kelompok pelampau.

Seorang pemimpin tinggi Umno menyatakan bahawa kekalahan dalam pilihan raya kecil adalah biasa dan Umno mampu merebut kembali kawasan itu dalam pilihan raya umum akan datang.

Tetapi saya rasa keyakinan seperti ini tidak realistik sekiranya tidak diadakan perubahan besar dalam organisasi BN di Lunas.

Seperkara yang menarik ialah sekalipun pembangkang menghadapi pelbagai masalah yang dicetuskan oleh pemilihan wakil Keadilan sebagai calon di Lunas dengan membelakangkan calon DAP, ini tidak menjadi halangan kepada kemenangan Keadilan.

Ramai orang berkata bahawa BN tidak mempunyai strategi untuk mempergunakan isu pertelingkahan sesama anggota barisan alternatif.

Satu contoh ialah BN sepatutnya menduga bahawa pihak lawannya akan menggunakan taktik-taktik kotor dan merumuskan strategi bagaimana mengatasi masalah itu.

Sementara pemimpin-pemimpin BN mengeluarkan kenyataan demi kenyataan mengenai pertelingkahan di antara DAP dan Keadilan, adakah ini disambut oleh pekerja-pekerja BN di akar umbi?

Saya rasa masanya telah berlalu untuk pemimpin mempengaruhi secara mutlak keputusan satu-satu pilihan raya.

Apa yang penting ialah selalunya prestasi pemimpin-pemimpin akar umbi. Sekiranya pemimpin-pemimpin di akar umbi sentiasa mengadakan hubungan dengan pengundi, tidak ada sebab BN boleh rebah di Lunas.

Seperkara lagi yang menarik hati ialah pekerja Keadilan jelas dapat membaca taktik dan strategi BN.

Barangkali ini kerana boleh dikatakan kebanyakan mereka yang sekarang bergabung dalam Keadilan pernah menjadi pemimpin Umno seperti Saifudin Nasution ketika bersama Pemuda Umno, yang demikian dia dapat membaca taktik dan strategi BN dalam pilihan raya di Lunas.

Apa yang menjadi tanda tanya sekarang ialah adakah kekalahan BN di Lunas berkesan kepada psikologi aktivis di Lunas dan juga di seluruh Kedah?

Umno mesti bekerja lebih keras dari dulu untuk menahan gelombang parti

lawan yang sekarang begitu yakin dapat menguasai Kedah dalam pilihan raya umum akan datang.

Kalau kita berbual dengan orang Keadilan, rasa yakin ini begitu ketara. Mereka telah berjaya menundukkan gergasi BN di Lunas.

Tidak ada pilihan raya kecil selama ini yang begitu banyak menarik perhatian umum daripada pilihan raya kecil di Lunas.

Datuk Seri S Samy Vellu bersumpah tidak akan pulang ke Kuala Lumpur kalau Lunas jatuh ke tangan pembangkang.

Kekalahan BN di Lunas sebenarnya agak diduga oleh pemimpin BN kecuali Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir yang menunggu di pusat undi di mana keputusan pilihan raya itu diumumkan.

Sekiranya bedah siasat dibuat, maka wajar sekali pucuk pimpinan Umno merumuskan pendekatan yang radikal untuk menggembelng pemimpin akar umbi.

Banyak `post mortem' pada masa lalu kurang memberi perhatian kepada pendidikan politik untuk ahli-ahli akar umbi. Ini berlainan sekali dengan zaman Allahyarham Tun Abdul Razak.

(END)